

18 AUG 1999

Merdeka-sambutan

SAMBUTAN "SEABAD MALAYSIA KE ALAF BARU" ALA FUTURISTIK

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Sambutan "Seabad Malaysia ke Alaf Baru" sempena Hari Merdeka pada malam 30 Ogos ini di Stadium Nasional Bukit Jalil menjanjikan persembahan menarik dalam acara sambutan yang berkonsepkan ala futuristik.

KRU Motion Pictures, syarikat yang dilantik bagi menguruskan pelancaran perayaan gilang gemilang itu, berjanji membawa penonton menyelami kehidupan masyarakat negara ini sepanjang abad ini.

Pengarah Urusan KRU Bhd, Norman Abdul Halim, berkata rekabentuk pentas perayaan itu juga menggambarkan Malaysia dalam menuju ke alaf baru.

"Kita juga akan memperlihatkan persembahan yang menggambarkan kehidupan masyarakat Malaysia dari dahulu hingga sekarang sepanjang tempoh satu abad," katanya pada persidangan berita selepas menandatangani perjanjian persefahaman antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan syarikatnya di sini hari ini.

Perjanjian itu ditandatangani antara Norman yang mewakili KRU Motion Pictures dengan Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, Timbalan Ketua Setiausaha kementerian. Majlis disaksikan oleh Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Mohd Noh Rajab.

Norman berkata persembahan juga telah diatur untuk menggabungkan artis baru dan lama seperti Jefri Din, Datuk M. Daud Kilau, Siti Nurhaliza, Noraniza Idris dan Juliana Banos, Indigo, Elite dan KRU.

Norman berkata selain persembahan nyanyian para artis, pertunjukan bunga api juga akan diadakan.

Tengku Alaudin pula berkata pelancaran sambutan itu akan diadakan serentak di ibu negara dan negeri-negeri, serta disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pelancaran itu bersama Menteri-menteri Besar dan ketua menteri di negeri-negeri berkenaan secara persidangan video.

Beliau berkata seperti negara-negara lain, Malaysia juga akan menyambut kedatangan alaf baru dengan pelbagai acara dan sambutan yang bertujuan menggalakkan pelancongan.

Tengku Alaudin berkata sambutan "Seabad Malaysia Ke Alaf Baru" adalah antara pelbagai program yang telah diatur sepanjang tempoh dua tahun sehingga Ogos 2001.

Antara program yang diatur sehingga tahun 2001 ialah Warna-Warni Malaysia, Karnival Membeli Belah, Grandprix Formula One, Kejohanan Golf Piala Dunia dan Pesta Malaysia.

Program perayaan itu dijuruskan kepada antara lain meningkatkan kesedaran dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat, katanya.

"Kita juga hendak beritahu kepada masyarakat dunia bahawa negara kita telah bersedia menjadi sebuah negara maju dan berteknologi tinggi bagi menghadapi cabaran-cabaran di alaf baru," katanya.

--BERNAMA

NZ NAK